

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
(KOTA RAJA)  
PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 10.11.2014

Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [ KOTA RAJA ] minta  
MENTERI KEWANGAN menyatakan kejayaan-kejayaan 1MDB semenjak  
ditubuhkan dan apakah kesan jangka masa panjang spesifik yang  
diharapkan oleh Kerajaan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman dewan yang mulia ini,

1MDB menerajui projek jangka panjang untuk mengambil peluang ke atas

pelaburan dan kepakaran antarabangsa bagi melabur dalam projek yang mempunyai nilai pengganda yang tinggi dan berinovasi. Di antara pelaburan yang kini sedang dijalankan adalah seperti yang berikut:

#### 1. Tun Razak Exchange

Direka bentuk bagi memenuhi keperluan masa depan, pembangunan Pusat Kewangan Antarabangsa Tun Razak Exchange, contohnya dikenalpasti oleh Kerajaan Malaysia sebagai Early Entry Point dalam Program Transformasi Ekonomi untuk mencapai lebih dua kali ganda pendapatan perkapita menjelang 2020.

Projek yang dianggarkan bernilai RM26 billion dan mempunyai jangka masa pembinaan selama 15 tahun ini mempunyai visi untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hub kewangan antarabangsa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan ia sebuah bandaraya global.

Baru-baru ini TRX juga telah memilih syarikat hartanah dan infrastruktur antarabangsa Lend Lease sebagai rakan kongsi utama di dalam projek

pembangunannya untuk TRX 'Lifestyle Quarter'. Perjanjian yang ditandatangani 1MDB Real Estate Sdn Bhd (1MDB RE) dan Lend Lease ini dijangka menarik sehingga US\$1 bilion (RM3.2 bilion) dalam bentuk pelaburan langsung asing ke Malaysia.

## 2. Pembangunan Semula Pangkalan Udara Kuala Lumpur kepada Bandar Malaysia

Bandar Malaysia pula adalah satu projek pembangunan bersepadu memajukan semula tanah Lapangan Terbang Sungai Besi yang akan menjadi ikon kepada kelestarian kehidupan di bandar Kuala Lumpur. Projek ini turut memperuntukkan sebahagian daripada keluasannya untuk membina Projek Perumahan Mampu Milik khusus kepada kumpulan eksekutif muda yang bekerja di kawasan bandar.

## 3. Sektor Tenaga

Sektor tenaga juga adalah salah satu sektor fokus 1MDB pada masa ini. Pembelian aset-aset tenaga Tanjong Energy Holdings, Genting Sanyen dan juga Jmah Energy Ventures Sdn Bhd baru-baru ini merupakan langkah bagi 1MDB ke arah memenuhi aspirasi Kerajaan untuk membina jaminan

tenaga mampan dalam jangka panjang.

Konsortium 1MDB-Mitsui juga telah memenangi Projek 3B oleh Suruhanjaya Tenaga yang akan melibatkan pembinaan dan operasi 2000MW loji arang batu bersebelahan loji janakuasa Jmah di Negeri Sembilan.

1MDB kini merupakan pengeluar tenaga bebas (IPP) kedua terbesar di Malaysia dari segi kapasiti pengeluaran tenaga.

Tuan Yang di-Pertua,

Kesan jangka masa panjang spesifik yang diharapkan oleh Kerajaan Malaysia adalah mudah, iaitu memperolehi kesan berganda yang tinggi melalui potensi ekonomi yang ada pada aset-aset ini bagi menjana pertumbuhan ke arah sebuah ekonomi yang berkembang maju dan berdaya-saing.